



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. TENDER : PL.(T).03.2026(JDI)
TARIKH : 29 MEI 2026

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) / Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
PEROLEHAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA KOMPUTER SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH 36 BULAN KEPADA PERBADANAN LABUAN	Berdaftar dengan MOF / PMS Kod Bidang : 210101 DAN 210103 ATAU 210104 DAN 210109 Sijil Pematuhan Cukai (TCC): STATUS: PATUH TAHUN SEMASA	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> 8.6.2026 (9.00 Pagi) Taklimat akan diadakan di Bilik Latihan ICT, Jabatan Digital dan Informasi, Blok A, Tingkat 3, Wisma Perbadanan Labuan <u>TAKLIMAT SECARA ATAS TALIAN</u> Video Call Link : https://meet.google.com/akz-bntb-hww <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 8.6.2026 sehingga 29.6.2026 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 100.00 (Tidak dikembalikan) (Bank Draf / Wang Pos / Kad Debit / Kredit)	30.6.2026 (SELASA) (8.00 pagi - 12.00 tengah hari) Peti Tender No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Dokumen tender tidak akan dijual kepada kontraktor yang tidak menghadiri taklimat.

Hanya penama dalam sijil asal pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) / Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak tender. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perolehan Kerajaan)

Masa Penjualan Dokumen: **Isnin – Khamis : (8.00 pagi – 1.00 petang) / (2.00 petang – 4.00 petang)**
Jumaat : (8.00 pagi – 11.00 pagi) / (2.00 petang – 4.00 petang)

Dokumen Meja Tender boleh disemak di Jabatan Digital dan Informasi semasa waktu pejabat. Bagi tujuan pembelian dokumen tender, Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh Pejabat yang mengeluarkannya.**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan jelas di penjurong atas sebelah kiri No. Tender dan Tajuk Kerja dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
JABATAN KEWANGAN, BLOK A, TINGKAT 2
WISMA PERBADANAN LABUAN
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN LABUAN DI ALAMAT: www.pl.gov.my



PERBADANAN LABUAN

HARGA INDIKATIF JABATAN

**PEROLEHAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI,
MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA KOMPUTER SECARA SEWAAN
UNTUK TEMPOH 36 BULAN KEPADA PERBADANAN LABUAN**

**NO. TENDER
PL.(T).03.2026(JDI)**

**HARGA INDIKATIF JABATAN BAGI PEROLEHAN INI ADALAH
RM4,520,160.00**

**TEMPOH KONTRAK
36 BULAN**

1. Harga Indikatif Jabatan ini berdasarkan harga pasaran semasa, realistik dan terkini dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
2. Pihak Perbadanan Labuan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.